

07 JUN 2000

MAHATHIR-AEROANGKASA/I (ULANGAN DAN TAKE AKHIR)

MAHATHIR LAWAT KILANG SIBER, SME AEROSPACE BELI MESIN BERTEKNOLOGI  
TINGGI

NAGOYA, 7 Jun (Bernama) -- Pembuat alat ganti pesawat udara Malaysia SME Aerospace hari ini menandatangani satu perjanjian bagi pembelian mesin peralatan berkomputer canggih daripada Yamazaki Mazak Corporation bernilai RM11.5 juta.

Perjanjian bagi membeli 10 mesin kawalan angka komputer (CNC) itu terutamanya bertujuan memenuhi kontrak antara SMEA dan BAE Systems yang dijangka diberikan menjelang akhir bulan ini bagi pengeluaran alat-alat ganti Boeing 767, kata SMEA.

Kontrak `alat ganti' tersebut bernilai kira-kira RM90 juta selama 10 tahun. Nilai ini akan meningkat kepada RM200 juta, apabila SMEA bersedia untuk menjalankan lebih banyak kerja, demikian menurut kenyataan SMEA pada upacara menandatangani perjanjian itu di ibu pejabat Mazak Corporation di sini.

Upacara menandatangani kontrak tersebut telah disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kini sedang dalam lawatan kerjanya ke Jepun.

Pengarah Urusan Tan Sri Ahmad Johan menandatangani bagi pihak Kumpulan SME Industries manakala Mazak diwakili oleh naib presiden eksekutifnya Tony Yamazaki.

Mesin CNC memainkan peranan penting dalam pembuatan alat ganti pesawat udara, jelas kenyataan SMEA itu. SMEA adalah anak syarikat SME Industries.

Kontrak Mazak termasuk sokongan teknikal bagi membolehkan SME Aerospace memaksimumkan mesin-mesin itu sepenuhnya, kata kenyataan itu.

Adalah dilaporkan bahawa Malaysia bersedia untuk menjadi pembuat komponen aeroangkasa utama di dalam lima tahun akan datang untuk merebut agihan daripada pasaran dunia dalam perniagaan berteknologi tinggi ini.

Tan Sri Ahmad Johan, yang juga presiden Airod, berkata industri itu akan dipertingkatkan oleh satu lagi kontrak bernilai RM700 juta dengan syarikat berpangkalan di UK yang sama dalam beberapa bulan akan datang.

Kenyataan itu berkata sistem BAE itu menimbangakan dengan serius Malaysia dalam mengeluarkan sayap jet batu RJX Regional yang telah dilancarkan awal tahun ini.

"Perundingan sedang dalam peringkat terakhir sekarang. Pasukan sistem BAE itu akan berada di Kuala Lumpur pada akhir bulan ini untuk menyelesaikan perjanjian itu," katanya.

"Kerja ini bukan sahaja memberikan Malaysia manfaat tetapi lebih penting lagi, ia akan memandu Malaysia menjadi pusat aeroangkasa terkemuka di Asia Tenggara," tambah kenyataan itu.

Dr Mahathir tiba di sini terdahulu hari ini untuk memulakan lawatan kerjanya ke Jepun selama seminggu. Sebaik sahaja tiba, beliau melawat kilang teknologi tinggi dan kilang siber Mazak - yang pertama seumpamanya di dunia - di mana teknologi maklumat dan multimedia digunakan bagi kecekapan maksimum.

Ini bukan pertama kali SME Aerospace mengeluarkan alat ganti mesin jitu kerana ia pernah membuat alat-alat ganti bagi pesawat Boeing 757 dan 767 di bawah kontrak yang lebih kecil dengan Shin May Wa dari Jepun dua tahun lalu.

Seorang pegawai syarikat Mazak berkata SME Aerospace kini adalah peserta peringkat dunia dalam pembuatan komponen pesawat udara.

Mengenai pembangunan industri teknologi tinggi, beliau berkata kerjasama dengan Malaysia akan diteruskan.

Mazak, yang memiliki kilang di UK dan AS, adalah pereka dan pengeluar salah satu mesin peralatan paling moden di dunia dengan menggunakan teknologi multimedia dan IT. -- BERNAMA

GM KY OS